

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Setiap bahagian hendaklah diikat secara berasingan.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ikhlas ayat 1 - 4 yang kira-kira bermaksud:

"katakanlah, Dialah Allah yang Maha Esa
(1) Allahlah yang bergantung kepadaNya
segala sesuatu (2) Dia tidak beranak
dan tidak pula diperanakkan (3) Dan tidak
ada seorang pun yang setara denganNya (4).

Berdasarkan maksud ayat-ayat di atas, jelaskan perkara-perkara berikut:

- (a) Konsep tawhid yang semestinya dihayati dalam perlaksanaan sesuatu ibadah khusus.
- (b) Kesesuaian fitrah manusia dengan Islam sebagai Agama Tawhid.
- (c) Unsur-unsur pembentukan 'aqidah Islamiyyah.

2. Menurut Sulaiman Yasin, antara keistimewaan 'aqidah Islamiyyah ialah:

- (1) pertengahan antara tajrid dan tajsim.
- (2) pertengahan antara **mulhid** dan **syirik**.

.../2

Berdasarkan pernyataan di atas.

- (a) Bincangkan secara kritis kedua-dua kenyataan tersebut.
 - (b) Buktikan bagaimana yang dikatakan bahawa mu'tazilah telah menyeleweng tentang perkara itu.
 - (c) Jelaskan 'aqidah Islam yang sebenar tentang perkara itu.
3. Antara perbahasan tentang al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai dasar hukum-hakam syari'ah Islamiyyah ialah apa yang dikenali dengan istilah **naskh**. Jelaskan beberapa persoalan di bawah:
- (a) Pengertian **nāsikh**, **mansukh** dan **naskh**.
 - (b) Pemansuhan hukum antara ayat al-Qur'an sesama ayat al-Qur'an.
 - (c) Pemansuhan hukum antara al-Sunnah sesama al-Sunnah.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Ijtihad merupakan faktor yang paling banyak menghasilkan hukum-hakam fiqh sehingga ilmu Fiqh menjadi begitu subur serta luas dimensinya. Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan tentang ijtihad dari aspek-aspek berikut:
 - (a) Definisi ijtihad dan jenis-jenisnya.
 - (b) Syarat-syarat yang diperlukan pada seorang mujtahid.
 - (c) Pengertian qiyas dan rukun-rukunnya.
5. Ramai orang tidak memahami secara tepat pengertian 'ibadah dan hakikatnya dari perspektif Islam. Sehubungan dengan kenyataan ini, jawab pertanyaan-pertanyaan berikut:
 - (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "'ibadah" yang boleh dirumuskan daripada penggunaannya dari segi bahasa 'Arab.
 - (b) Bincangkan tentang hubungkait di antara 'ibadah dengan kerjaya seorang Muslim.

- (c) Bagaimanakah 'ibadah boleh berperanan dalam pembinaan syakhsiah seorang Muslim?
6. Daripada apa yang anda fahami tentang "Mu'amalat", bincangkan aturan-aturan yang digariskan oleh syara' untuk mengawal perilaku manusia dalam bidang berkenaan supaya penganiayaan terhadap mana-mana pihak dapat dielakkan.

-oooooooo-